

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 OGOS 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 36

Pasaran buruh terus mengukuh, pengangguran lebih rendah 2022

Pasaran buruh terus mengukuh, pengangguran lebih rendah 2022

PETALING JAYA: Pasaran tenaga buruh Malaysia terus mengukuh pada 2022 dengan bilangan penduduk pekerja bertambah 1.4 peratus kepada 16.02 juta orang, berbanding 15.80 juta orang tahun sebelumnya, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Menurutnya, pertambahan disumbangkan oleh peningkatan bilangan penduduk bekerja dan penurunan dalam pengangguran.

Kadar pengangguran tahun lalu turun 0.7 peratus kepada 3.9 peratus berjumlah 630,400 penganggur daripada 733,000 orang atau 4.6 peratus pada 2021.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, persekitaran ekonomi yang positif sepanjang 2022 membawa kepada situasi tenaga buruh yang menggalakkan pada tahun tersebut, susulan lebih banyak peluang pekerjaan daripada pelbagai industri telah diwujudkan.

Beliau berkata, bagi 2023, pertumbuhan ekonomi diungurkan lebih sederhana, namun, peningkatan bilangan ketibaan pelancongan akan terus menyokong pemuliharaan dalam subsektor pelancongan seiring dengan kedudukan pasaran yang bertambah baik, terutama



MENDAPAT pekerjaan membolehkan pekerja mencarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk jaminan persaraan mereka. - GAMBAR HIASAN

dalam sektor perkhidmatan.

"Berikutnya aktiviti ekonomi yang terus berkembang pada tahun 2023, pasaran buruh dijangka kekal stabil," katanya dalam kenyataan Statistik Tahunan Tenaga Buruh Malaysia 2022.

Mengulas pasaran buruh tahun lalu, beliau berkata, pemuliharaan daripada kemelesetan ekonomi disebabkan oleh pandemik Covid-19 telah mencapai titik perubahan pada tahun dilaporkan, mendorong kepada

perubahan positif dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai industri.

Selain itu katanya, konsep pekerjaan fleksibel dengan bekerja secara jarak jauh dan atau kerja yang fleksibel telah menjadi satu kelaziman.

"Ini memberikan lebih fleksibiliti kepada pekerja dan kesimbangan antara pekerjaan dan kehidupan. Oleh itu, pasaran buruh terus mengukuh pada 2022 dengan bilangan penduduk bekerja yang lebih tinggi, manakala pengangguran menurun," katanya.

Mohd. Uzir berkata, pada tahun lalu, bilangan penduduk bekerja direkodkan seramai 15.39 juta orang, meningkat 2.2 peratus daripada 15.06 juta pada 2021.

Bagaimanapun katanya, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun meningkat sebanyak 0.4 peratus kepada 11.7 peratus berjum-

lah 321,200 daripada 329,100 tahun sebelumnya.

Sebaliknya, kadar pengangguran bagi penduduk dewasa berumur 25 hingga 64 tahun menurun sebanyak 0.8 mata peratus kepada 2.3 peratus dengan jumlah 309,100 orang penganggur berbanding 403,900 orang pada 2021.

Dari segi status pekerjaan, kategori pekerja merangkumi peratus sumbangan terbesar penduduk bekerja iaitu 78.3 peratus pada tahun 2022. Bilangan penduduk bekerja dalam kategori ini merekodkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 1.9 peratus kepada 12.05 juta orang (2021: 11.82 juta orang). Manakala, bilangan penduduk bekerja sendiri yang meliputi 15.1 peratus meningkat kepada 2.33 juta orang (4.2 peratus).

"Kategori pekerjaan separuh mahir merupakan komposisi terbesar, meliputi lebih separuh (58.4 peratus) daripada jumlah guna tenaga, merekodkan 8.99 juta orang. Kategori mahir merangkumi 29.6 peratus daripada penduduk bekerja, berjumlah 4.56 juta orang, manakala kategori berkemahiran rendah meliputi 12.0 peratus bersamaan 1.84 juta orang," katanya.